

20/10/2002

Bahasa sejagat (universal) yang berjaya yang mesti dikejar

Kata Hikmah Hujung Minggu

Berwaspada dalam kehidupan, jangan boros, jangan terlampau berharap. Manusia yang CEPAT BERJANJI lazimnya PERLAHAN untuk menunaikannya atau janji kosong saja.

Tegas satu bidalan Perancis - We make large promises to avoid making small presents - kita buat janji besar bagi mengelakkan memberi hadiah/bingkisan kecil.

BAK kata Mat Salleh leave no stone unturned yakni dalam apa jua pekerjaan dan tugas, kita mesti melakukannya dengan terbaik boleh, sepenuh iltizam. Dalam mengejar ilmu pengetahuan kita tidak harus berkompromi dengan kecemerlangan.

Saya balik dari New Delhi semalam setelah menghadiri perjumpaan dengan Ketua-ketua Pengarang dan tuan punya akhbar dari India, Pakistan dan Bangladesh serta menghayati ucap tamsil Perdana Menteri bertajuk "Asia in 2020: Challenges and Prospects - Asia pada 2020: Cabaran dan Prospek" di persidangan bisnes Asean-India.

India kerana penguasaan atau kefasihannya (proficiency) dalam bahasa Inggeris telah muncul sebagai satu negara yang menguasai teknologi canggih. Saintis dan programer komputernya yang lancar berbahasa Inggeris (lisan dan menulis) diburu oleh dunia Barat.

Lee Kuan Yew ada foresight (melihat ke depan) sebab itu dia mewajibkan bahasa Inggeris di sekolah dan universiti Singapura sebelum dan setelah perpisahan Singapura dari Malaysia. Saya kira tidak keterlaluan jika dikatakan bahasa Inggeris adalah ramuan terpenting dalam kejayaan Singapura menjadi sebuah negara maju dalam masa 35 tahun saja.

Suka duka, kita harus menerima hakikat bahawa bahasa Inggeris bahasa ilmu dan komunikasi alam sejagat. Dunia telah menerima kenyataan bahawa bahasa Inggeris intim dengan bisnes, politik dan diplomasi.

Cadangan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad agar bahasa Inggeris dijadikan bahasa pengantar dalam ilmu sains dan hisab telah menimbulkan banyak sangkaan buruk dan takut kepada hantu pelesit yang tidak wujud. Saya tidak terfikir orang kita begitu teruk. Tidakkah mereka sedar lebih 44,000 graduan, rata-rata Melayu, kini tidak ada pekerjaan?

Sebabnya: Sudahlah ilmu pengetahuan mereka kurang, mereka juga monolingual (tahu satu bahasa saja). Kalau pun tahu bahasa Inggeris tarafnya amat daif. Kerajaan apatah lagi gedung multi-nasional dan big business tidak tertarik dengan penganggur ini.

Bangsaku, dalam alam sekarang bahasa Inggeris memerintah. Tiada satu bahasa yang setandingnya; Bahasa Inggeris tidak bisa dicabar: 85 peratus laman web menggunakan bahasa Inggeris.

Hanya lima peratus saja jawapan SMS dan mesej e-mail datang dari bahasa lain. TV, filem, video dan media cetak yang tersiar dan tersebar di seluruh alam majoriti dalam bahasa Inggeris. Bisnes, pendidikan dan hiburan yang mega, ternama dan popular menggunakan bahasa Inggeris sebagai mediumnya.

Saya tidak berkompromi bahasa Melayu mesti dijunjung dan diwajibkan. Masakan kita tidak boleh kelek bahasa Inggeris?

Satu generasi telah rugi: buta huruf dalam bahasa dunia terpenting. Saya kira tidak sampai 20 peratus Melayu dan Bumiputera fasih bahasa Inggeris dan kini kurang separuh rakyat kita daripada semua keturunan tahu bahasa Inggeris. Kenapa setelah kita menukar medium pendidikan kepada bahasa

Melayu kita terus terpinggir dan di belakang orang Cina dan India?

Sekarang amat sukar untuk menguasai bahasa Inggeris kerana kita kekurangan guru terlatih pada hal sebelum 1970-an kita mempunyai ramai. Kita tukar sekolah Inggeris kepada sekolah Melayu (kebangsaan) maka sumber itu mati. Kalau kita bijak dan tidak politikkan bahasa, keadaan kita hari ini berlainan.

Kita menguasai dwi-bahasa seperti sebelum merdeka. Adakah Adibah Amin, Dr Mahathir, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Datuk Seri Najib Tun Razak kurang keMelayuan mereka kerana mereka fasih dalam bahasa Inggeris?

Wahai bangsaku, kepandaian, kecemerlangan dan ketahanan untuk bertanding (dan menang) menentukan masa depan satu manusia bahkan satu bangsa dan negara itu.

India dengan 1.1 bilion manusia sudah dan sedang menguasai bahasa Inggeris. China lebih ramai lagi (1.3 bilion) sekarang berjihad untuk menawan bahasa Inggeris. Apabila orang China fasih bahasa Inggeris seperti orang India, peluang kita akan sempit lagi kecualilah kita menguasai bahasa Inggeris.

Saya tidak nampak kenapa kita mesti takut kepada bahasa Inggeris yang tidak lagi mengancam status bahasa Melayu.

Semua patut diwajibkan belajar bahasa Inggeris dan perbanyakkan mata pelajaran diajar dalam bahasa ini kecuali bahasa Malaysia, kesusasteraan Melayu dan agama. Saya adalah produk pendidikan ala ini seperti juga Dr Mahathir, Tan Sri Musa Hitam, Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Ali.

Kurangkan kami Melayu dan Islam? Fikir dan renunglah tanpa emosi. Masa depan bangsa kita dalam dunia bertukar menjadi desa - jaya dan gagal kita dalam ekonomi dan pendidikan global - bergantung kepada penguasaan kita dalam bahasa terpenting dan terunggul itu.

90 orang Doktor India Ke Malaysia: Berkhidmat majoritinya di pendalaman Sabah, Sarawak dan juga Semenanjung

Kini ada dua pasukan temu duga dari Suruhanjaya Perkhidmatan Awam di India menemuduga bagi mengambil 90 orang doktor untuk berkhidmat di luar bandar. Mengikut Datuk Dr Fawziah Abdullah, Ketua Pasukan A yang saya bertemu di New Delhi, majoriti calon adalah lelaki (hanya 20 peratus wanita). Mereka tegasnya, berkelayakan tinggi, muda dan amat berminat ke Malaysia.

Saya dengar kita juga kekurangan doktor gigi. Saya rasa tidak lama lagi kita akan juga menawarkan kerja ini kepada doktor gigi asing.

Di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru dan bandar-bandar besar lain pukul rata terdapat satu doktor bagi antara 250-500 penduduk, boleh jadi 500-1,000 orang tetapi di Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak kadarnya masih tinggi bagi sebuah negara yang tahap ekonomi, sosial dan pendidikannya setinggi kita.

Dr Mahathir memukau media India

Rata-rata media India memuji Dr Mahathir kerana ketegasan dan kelantangannya mengutarakan pendapat dalam bahasa yang berkesan dan lancar - ada masa dengan penuh seloroh - terutama mengenai home truths yakni tidak berselindung menentang cadangan Amerika dan sekutunya Britain menyerang Iraq, demokrasi di Malaysia, jiran mesti fleksibel dalam perhubungan (walaupun tidak disebut nama ramai berpendapat dia menuju kepada India dan Pakistan) dan keamanan amat penting bagi mencapai kemakmuran dan kestabilan.

Perdana Menteri telah menawan hati pendengarnya dengan daya tarikan, kata-kata terus terangnya dan kelancaran bahasanya.